



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Ekonomi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Ekonomi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Mei 2015

Terbitan 2015

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Kata Pengantar	vii
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	6
Kemahiran Abad Ke-21	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	9
Elemen Merentas Kurikulum	12
Pentaksiran	15
Organisasi Kandungan	18
Pengenalan Kepada Ekonomi	23

Pasaran	27
Pendapatan Individu	32
Pengeluaran	39



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran.

Usaha memasukkan Standard Pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid. DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran

dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Ekonomi merupakan mata pelajaran elektif yang digubal untuk Tingkatan 4 dan 5. MPEI memberi fokus kepada keperluan perubahan berasaskan kompetensi yang merujuk standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa.

Pembangunan kurikulum MPEI merupakan satu inisiatif dalam usaha menyediakan modal insan yang menyeluruh, seimbang, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta mengamalkan budaya profesional bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan matlamat ke arah negara maju dan perkembangan teknologi dalam industri.

MPEI Ekonomi khususnya bertujuan untuk memberi murid pemahaman teguh mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu murid memahami ekonomi dunia moden dan membuat keputusan yang rasional sebagai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Melalui mata pelajaran ini, murid dapat memahami masalah yang berpunca daripada sumber terhad dan membuat pilihan yang rasional tentang penggunaannya. Pemahaman ekonomi juga dapat membantu individu memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar

yang bertanggungjawab dalam masyarakat. Selain itu, murid juga dapat memperoleh kemahiran mencari, memahami serta menilai maklumat yang berkaitan dengan ekonomi, murid juga dapat memahami masalah ekonomi negara Malaysia dan hubungannya dengan negara lain dari segi ekonomi antarabangsa. Dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh, murid dapat memainkan peranan yang berkesan dan bermakna dalam kehidupan seharian dan juga sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

Dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) ekonomi, nilai-nilai murni dan semangat patriotik diperkembang secara bersepadu. P&p mata pelajaran ini dirancang untuk mempertingkatkan kemampuan murid membincangkan, menganalisis, menilai masalah dan memberi cadangan berkaitan dengan ekonomi dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. MPEI Ekonomi disusun untuk memberi murid pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, bermakna dan mencabar. Pengajaran secara inkuiri induktif dan inkuiri kolaboratif diberi penekanan. Bahan-bahan autentik daripada pelbagai sumber seperti internet dan media massa boleh digunakan sebagai sumber untuk membincangkan isu dan masalah semasa ekonomi Malaysia dan dunia.

MATLAMAT

Kurikulum Ekonomi bertujuan untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas ekonomi di samping memupuk nilai murni supaya mereka dapat menyedari dan memahami masalah ekonomi, menghargai sumbangan daripada kegiatan ekonomi serta dapat menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan berkesan dan bertanggungjawab.

OBJEKTIF

KSSM Ekonomi Tingkatan 4 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Membina pengetahuan dan kefahaman istilah, konsep dan prinsip asas ekonomi.
2. Menghubungkan kait konsep dan prinsip asas ekonomi dalam kehidupan seharian dan situasi sebenar.

3. Menginterpretasi maklumat ekonomi dalam bentuk lisan, numerasi dan grafik.
4. Menganalisis dan menilai maklumat ekonomi serta menyampaikan idea secara jelas, logik dan relevan.
5. Memupuk dan mengembangkan potensi, minat serta sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.
6. Menunjukkan keprihatinan dengan mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai masalah dan isu ekonomi semasa.
7. Menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat berperanan sebagai pengguna, pengeluar, ahli masyarakat, warganegara dan warga global yang bijak, rasional dan bertanggungjawab.
8. Mengamalkan dan menghayati nilai sosial dan ekonomi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat, negara dan global.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah 1 Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah



FOKUS

Ekonomi membantu murid memahami tingkah laku manusia melalui kajian tentang bagaimana sumber terhad diurus untuk memenuhi kehendak individu dan masyarakat yang tidak terhad. Kurikulum Ekonomi ini digubal dengan tujuan memberikan suatu pemahaman yang teguh mengenai prinsip asas ekonomi khususnya dalam konteks Malaysia kini supaya murid dapat berfungsi dengan berkesan dalam menjalani kehidupan seharian dan sebagai warganegara yang celik ekonomi. Murid juga akan dapat membina kemahiran berfikir dan membuat keputusan dengan rasional dan bertanggungjawab dalam memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar.

Pendekatan analitikal mata pelajaran ini membolehkan murid berfikir secara logik. Murid belajar mengaplikasikan teori dan konsep kepada isu dunia sebenar dan di samping itu, kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah dapat ditingkatkan. Kemahiran ini penting untuk pembelajaran sepanjang hayat dalam pelbagai bidang dan juga untuk menyediakan murid dalam era K-Ekonomi. Murid yang belajar ekonomi akan menguasai pelbagai kemahiran untuk menyampaikan idea dan membincangkan isu ekonomi dengan

berkesan di samping memupuk semangat patriotik dan nilai yang positif.

RANGKA KONSEP KURIKULUM EKONOMI

Rangka konsep kurikulum Ekonomi meliputi pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap murid yang perlu dibangunkan semasa di Tingkatan 4 dan 5 sekolah menengah berasaskan prinsip berikut;

1. dibina berasaskan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap;
2. digubal bagi menyediakan murid untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi, kemasukan dalam tenaga kerja dan pembangunan diri secara menyeluruh;
3. mengaplikasikan konsep dan prinsip ekonomi dalam dunia sebenar;
4. membangunkan kemahiran belajar sepanjang hayat melalui pembelajaran berasaskan inkuiri;
5. menerapkan nilai murni, keprihatinan terhadap isu ekonomi dan sosial serta menanamkan semangat patriotisme; dan
6. pentaksiran berasaskan sekolah dibentuk sebagai sebahagian daripada proses p&p.

KEMAHIRAN EKONOMI

1. Mengguna alat analisis ekonomi dalam situasi tertentu.
 - Memilih, menyusun dan mengintrepetasi data
 - Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman ekonomi dalam bentuk lisan, nombor, gambarah rajah, gambar dan graf.
 - Menggunakan data ekonomi untuk mengenal pola dan membuat kesimpulan mengenai perhubungan.
2. Menilai dan membuat keputusan
 - Membezakan antara fakta/bukti dan pendapat, menaakul dan menyampaikan pendapat dalam cara yang logik dan tepat.
 - Menilai implikasi sosial dan persekitaran sesuatu tindakan/keputusan ekonomi
 - Membuat kesimpulan dari maklumat ekonomi dan menilai data ekonomi secara kritis.
 - Menjana idea baru.

3. Kecekapan kemahiran insaniah
 - Kemahiran berkomunikasi
 - Kemahiran menyelesaikan masalah
 - Kemahiran berfikir secara kritis melalui inkuiri isu ekonomi.
4. Kecekapan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk pembelajaran inkuiri dan pembinaan pengetahuan.

SIKAP DAN NILAI

- Melibatkan diri di dalam perbincangan isu ekonomi dan membuat keputusan berasaskan pengetahuan.
- Mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi serta membuat keputusan yang bertanggung jawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam p&p bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 1.

Jadual 1 Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi

dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Ekonomi menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2 Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semulajadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan

PROFIL MURID	PENERANGAN
	sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam p&p mata pelajaran ini, khususnya, tumpuan diberi kepada peranan individu sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat. Oleh itu, guru hendaklah mengaitkan p&p mata pelajaran ini dengan peranan tersebut dalam tajuk-tajuk yang sesuai. Guru perlu juga menggunakan pendekatan kontekstual supaya murid dapat memahami dan menyedari isu serta kegiatan ekonomi yang berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka.

Dalam menghadapi realiti kebolehan dan potensi murid yang pelbagai, strategi p&p yang berkesan adalah penting kerana dapat memberi pengalaman yang bermakna serta mencabar kepada murid. Guru perlu berperanan sebagai pakar dalam disiplin ilmu dan pedagogi. Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah untuk topik yang berbeza. Inkuiri induktif boleh digunakan untuk beberapa tajuk yang menggunakan contoh sebenar. Inkuiri kolaboratif pula membantu murid membangunkan kemahiran insaniah. Untuk memahami dunia sebenar, murid perlu mengetahui terdapat pendapat yang berbeza-beza mengenai sesuatu isu ekonomi. Murid diberi peluang untuk melihat sesuatu isu dari pelbagai perspektif.

Melalui perbincangan dan kolaborasi dalam tugas kumpulan, murid dapat membina pengetahuan dan meluaskan pandangan. Pendekatan penyelesaian masalah boleh menggunakan kaedah pengajaran secara kolaboratif. Penjelasan terus oleh guru boleh dijalankan untuk tajuk yang lebih abstrak dengan bantuan lembaran kerja.

Melalui strategi p&p yang terancang, murid akan memperoleh pemahaman yang kukuh tentang konsep, prinsip dan pengetahuan asas ekonomi. Murid juga mampu menguasai pelbagai kemahiran seperti mencari, memahami dan menilai maklumat yang berkaitan dengan ekonomi.

Bagi membincangkan isu dan masalah ekonomi semasa, maklumat boleh diperoleh daripada pelbagai sumber seperti laporan, media cetak dan internet. Guru hendaklah menggalakkan murid mengumpul maklumat daripada sumber-sumber yang bersesuaian. Dengan ini proses interaksi pelbagai hala dapat diwujudkan. Kemahiran murid untuk membincang dan menganalisis masalah ekonomi yang mudah, menggunakan istilah dan laras bahasa ekonomi secara jelas dan tepat serta membuat keputusan dengan bijak dan bertanggungjawab dapat dipertingkatkan.

Dalam proses p&p, nilai-nilai murni dan semangat patriotik dipupuk secara bersepadu. Pengalaman daripada pembelajaran Ekonomi boleh memupuk sikap dan nilai positif dalam diri murid. Penerapan nilai murni boleh dilakukan sama ada secara bersahaja atau terancang tetapi perlulah berterusan semasa p&p. Walaupun nilai murni yang harus diterap tidak dinyatakan secara khusus dalam standard pembelajaran, guru hendaklah merancang dengan rapi agar penerapan nilai ini dapat dilaksanakan secara optimum. Oleh itu, guru digalakkan agar meneliti semua standard pembelajaran dalam sesuatu standard kandungan sebelum memulakan pengajaran.

Untuk memastikan strategi p&p ini berkesan, guru hendaklah merujuk DSKP semasa merancang p&p.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN EKONOMI

Guru perlu menggunakan kebijaksanaan memilih kaedah yang paling sesuai dengan tajuk dan kemampuan murid supaya pelajaran yang disampaikan itu menarik, mencabar, bermakna dan berkesan serta dapat dihayati oleh murid. Bahan bantu mengajar yang sesuai juga perlu digunakan untuk memastikan keberkesanan p&p.

Bagi membantu guru mempelbagaikan teknik p&p, beberapa contoh aktiviti dan kaedah pengajaran dicadangkan seperti berikut:

Perbincangan

Perbincangan merupakan aktiviti yang membolehkan murid berinteraksi antara satu sama lain serta berkongsi maklumat tentang sesuatu topik atau masalah dengan tujuan mencapai suatu penyelesaian. Murid terlibat secara aktif dalam kelas dan dikumpulkan dalam beberapa kumpulan untuk membincangkan sesuatu tugas, topik atau isu yang diberi oleh guru. Aktiviti perbincangan berfaedah kepada murid supaya mereka berpeluang mengemukakan idea-idea dan dapat bertukar-tukar pendapat.

Sumbang saran

Teknik ini menyatukan idea murid untuk menyelesaikan sesuatu masalah tanpa berinteraksi antara mereka. Murid diberi soalan dan peluang untuk berfikir secara individu dan bersendirian. Strategi ini dapat merangsang imaginasi dan kreativiti murid. Murid diminta memberi tindak balas terhadap sesuatu masalah atau persoalan dengan mencatatkan segala perkaitan yang

terlintas di fikiran mereka. Selepas sesi sumbangsaran murid perlu menilai dan menyusun semula hasil sumbangsaran.

Main Peranan

Main peranan memerlukan murid berlakon secara spontan tentang sesuatu situasi atau masalah. Strategi ini membolehkan murid membawa satu watak dan murid berpeluang mengamati bagaimana orang lain berfikir dan bertindak.

Di samping itu, murid dapat memahami implikasi ekonomi ke atas motif dan tindakan orang lain yang terlibat dalam situasi ekonomi tertentu.

Simulasi

Simulasi merupakan situasi yang diwujudkan untuk menyerupai keadaan sebenar dengan tujuan menyelesaikan sesuatu masalah dalam keadaan yang terkawal. Kaedah ini menggalakkan murid menganalisis sesuatu situasi atau masalah ekonomi dengan berfikiran secara rasional dan kritis. Murid juga dapat mengaitkan kandungan pelajaran dengan bidang dan objektif pelajaran.

Kerja Projek

Teknik pengajaran secara kerja projek memerlukan murid mengumpul dan mengkaji maklumat mengenai sesuatu masalah serta membuat pelaporan dengan bimbingan guru. Projek dijalankan sebelum pengajaran dan mengambil masa yang panjang. Murid dikehendaki mengenal pasti kaedah untuk mengatasi masalah yang dikemukakan dan seterusnya merancang keseluruhan projek. Laporan disediakan pada akhir projek dan dibentangkan dalam kelas untuk dikaji dan dibincang bersama.

Lawatan

Teknik ini berfaedah kepada murid kerana melalui penggunaan semua deria, pembelajaran akan lebih menarik dan berkesan. Murid dapat melihat, merasa dan menghargai sesuatu aktiviti yang dijalankan melalui lawatan. Kejayaan sesuatu lawatan bergantung kepada persediaan sebelum dan semasa lawatan serta aktiviti kumpulan selepas lawatan tersebut. Lawatan akan memberi pengalaman dan keseronokan kepada murid. Pembelajaran sedemikian dapat memberi kesan yang mendalam dan menjadikan pelajaran atau persembahan hasil pembelajaran lebih menarik.

Kajian Kes

Kajian kes merujuk kepada satu kajian tentang sesuatu situasi yang menunjukkan kaitannya dengan konsep dan prinsip ekonomi. Melalui kaedah ini, murid dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam situasi ekonomi tertentu yang mungkin benar atau dijangka mungkin berlaku. Guru hendaklah menyediakan kes dengan perancangan yang teliti. Teknik-teknik lain juga boleh digunakan bersama dalam kajian kes ini.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses p&p selain daripada yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen dalam elemen merentas kurikulum adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambah minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.

- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubahsuaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti berani mengambil risiko, tabah, bijak menggunakan peluang dan krisis, bertanggungjawab dan boleh membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengapikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.

- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran adalah komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia berperanan bagi mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksana atau dicapai dalam satu-satu proses pengajaran dan pembelajaran.

Pentaksiran mempunyai ciri-ciri berikut:

1. **Holistik** iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. **Berterusan** iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan pengajaran dan pembelajaran.
3. **Fleksibel** iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. **Merujuk standard prestasi** yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses

mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah

Pelaksanaan pentaksiran sekolah (PS) hendaklah selaras dengan kehendak DSKP. Maklumat yang diperolehi dari pentaksiran ini boleh digunakan untuk memantau pembelajaran murid, serta membantu guru dalam mencari jalan untuk memperbaiki p&p supaya lebih berkesan. Di antara amalan PS yang boleh dilaksanakan oleh guru Ekonomi adalah seperti senarai berikut. Walau bagaimanapun, guru perlu maklum bahawa kaedah-kaedah tersebut boleh dijadikan sebahagian daripada p&p dan bukan sahaja sebagai aktiviti tambahan.

Ujian Buka Buku (*Open Book Tests*): Ujian buka buku adalah kaedah di mana murid dibenarkan merujuk kepada bahan sumber seperti pelbagai bahan cetakan dan sumber internet. Soalan ujian jenis ini bertujuan untuk merangsang murid untuk menggunakan bahan rujukan dan membantu murid menyusun idea mereka.

Soalan Lisan: Kaedah ini merupakan satu pendekatan fleksibel yang membolehkan guru membincangkan perkara secara mendalam dengan murid dan mencungkil pemikiran inkuiri dalam kalangan murid.

Soalan Objektif: Soalan-soalan seperti aneka pilihan dan soalan pendek berguna untuk menguji pengetahuan, pemahaman, aplikasi dan analisis tetapi kurang berkesan dalam menilai kemahiran kognitif aras tinggi seperti sintesis dan penilaian.

Soalan Esei: Soalan esei berstruktur dan terbuka memerlukan murid untuk menyusun dan menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan, dan soalan sedemikian boleh digunakan untuk mentaksir keupayaan murid untuk membuat sintesis dan penilaian.

Soalan berasaskan Data: Kaedah ini sesuai untuk menilai keupayaan murid dalam aplikasi pengetahuan dan penyelesaian masalah. Bahan seperti jadual, graf, gambarajah, gambar, kartun, laporan akhbar dan petikan artikel, boleh digunakan untuk membina soalan berasaskan data supaya aplikasi pengetahuan murid dalam dunia sebenar dapat dinilai.

Kerja Projek: Kaedah ini merupakan alat yang sesuai untuk membangunkan kemahiran berfikir, berkomunikasi, bekerjasama, menyelesaikan masalah dan membuat persembahan; serta berupaya membangunkan kemahiran

pembelajaran arah sendiri. Penilaian tugas murid tidak hanya tertumpu kepada laporan akhir sahaja, tetapi juga kepada proses pembelajaran.

Portfolio: Portfolio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Penilaian harus berfokus kepada pemikiran reflektif, kritis dan kreatif murid, dan bukan sekadar pada hasil bahan yang dikumpul.

Selain daripada kaedah pentaksiran tersebut di atas, guru juga harus mengambil setiap kesempatan untuk memerhati pembelajaran murid semasa mereka bekerja secara individu atau dalam kumpulan. Guru boleh memerhatikan cara murid bekerja dan kebolehan mereka berkomunikasi dan bekerjasama. Guru boleh berkongsi pemerhatian dengan murid dan memberi maklum balas positif sebagai galakan dan motivasi kepada murid.

Standard Prestasi

Standard prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam

perkembangan dan kemajuan pembelajarannya. Tahap Penguasaan ialah label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu. Tafsiran Tahap Penguasaan Umum bagi Ekonomi ditunjukkan di jadual 3.

Jadual 3 Tafsiran Tahap Penguasaan Umum bagi Ekonomi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui istilah, konsep dan prinsip asas ekonomi
2	Memahami istilah, konsep dan prinsip asas ekonomi dan menunjukkan kefahaman mengenai kaitan di antara konsep-konsep tersebut dalam konteks ekonomi
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran ekonomi dalam pelbagai konteks ekonomi secara deskriptif
4	Menganalisis maklumat ekonomi untuk diaplikasikan dalam suatu situasi atau konteks
5	Menganalisis dan mensintesis maklumat ekonomi dalam suatu situasi atau dalam konteks penyelesaian masalah
6	Menganalisis, mensintesis dan menilai maklumat ekonomi serta membuat keputusan secara rasional dan memberi cadangan atau menghasilkan sesuatu yang baru

ORGANISASI KANDUNGAN

Standard kurikulum Ekonomi Tingkatan 4 dan 5 disusun mengikut :

1. Standard Kandungan
2. Standard Pembelajaran
3. Catatan
4. Standard Prestasi

1. Standard Kandungan

Standard kandungan adalah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Bagi mata pelajaran Ekonomi, lajur standard kandungan ini merupakan isi kandungan utama di mana pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditentukan akan dicapai.

2. Standard Pembelajaran

Standard Pembelajaran merupakan suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Secara khususnya lajur Standard Pembelajaran Ekonomi menerangkan pernyataan

pencapaian yang boleh diukur tentang konsep, prinsip dan liputan tajuk yang terkandung di bawah standard kandungan.

3. Catatan

Lajur catatan mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain dari yang dicadangkan mengikut kreativiti untuk mencapai standard pembelajaran.

4. Standard Prestasi

Standard prestasi dalam DSKP Ekonomi adalah contoh pernyataan yang boleh digunakan guru untuk mengukur tahap perkembangan pembelajaran murid berdasarkan standard pembelajaran. Ia menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Guru boleh menggunakan pernyataan-pernyataan yang lain berdasarkan tahap penguasaan umum Ekonomi untuk menunjukkan pencapaian murid dalam setiap standard kandungan dalam DSKP Ekonomi.

Organisasi kandungan Ekonomi Tingkatan 4 dizahirkan seperti dalam jadual 4. Tajuk-tajuk dan peruntukan jam minimum setahun bagi mata pelajaran Ekonomi ditunjukkan di jadual 5.

Jadual 4 Organisasi Ekonomi Tingkatan 4

Tajuk	Penerangan
Pengenalan kepada Ekonomi	Di bawah tajuk ini murid didedahkan dengan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas sebagai asas masalah ekonomi. Murid juga memahami bagaimana keputusan berkaitan dengan pengeluaran dan agihan barang dan perkhidmatan ditentukan dalam sistem ekonomi dan implikasinya
Pasaran	Murid akan memahami bahawa harga pasaran sesuatu barangan dan kuantiti yang dijual beli adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran terhadap barang tersebut

Tajuk	Penerangan
Pendapatan Individu	Tajuk ini menerangkan bagaimana wang berfungsi dan diuruskan melalui fungsi bank perdagangan dan fungsi bank pusat. Di samping itu, murid mengetahui bagaimana wang mempengaruhi pemilihan pekerjaan dan penggunaannya oleh individu dari aspek perbelanjaan, simpanan dan pelaburan.

Tajuk	Penerangan
Pengeluaran	Tumpuan tajuk ini adalah kepada konsep pengeluaran, kos pengeluaran, penentuan tahap kecekapan firma dalam meningkatkan keuntungan firma dan cara meningkatkan produktiviti.

Jadual 5 Tajuk-Tajuk Dan Peruntukan Jam Bagi Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan 4

BIL.	KANDUNGAN	PERUNTUKAN JAM
1.0	Pengenalan Kepada Ekonomi	
1.1	Konsep kekurangan	24
1.2	Sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas ekonomi	
2.0	Pasaran	
2.1	Keseimbangan pasaran	28
2.2	Keanjalan harga	
3.0	Pendapatan Individu	
3.1	Wang dan bank	24
3.2	Pendapatan individu	
3.3	Penggunaan pendapatan individu	

BIL.	KANDUNGAN	PERUNTUKAN JAM
4.0	Pengeluaran	
4.1	Konsep pengeluaran, kos dan hasil	20
4.2	Produktiviti dan eksternaliti	
	JUMLAH JAM	96

1.0 PENGENALAN KEPADA EKONOMI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mentakrif ilmu ekonomi.</p> <p>1.1.2 Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhadap dan kehendak tidak terhadap.</p> <p>1.1.3 Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.</p> <p>1.1.4 Mendefinisikan kos lepas.</p> <p>1.1.5 Menganalisis sesuatu situasi untuk menerangkan kos lepas.</p> <p>1.1.6 Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh.</p> <p>1.1.7 Menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan kos lepas.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Membincangkan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas berdasarkan contoh atau situasi.</p> <p>Membincangkan implikasi pilihan yang dibuat oleh individu berdasarkan pengalaman seharian.</p> <p>Membincangkan implikasi pilihan yang dibuat oleh komuniti/ masyarakat/ kerajaan berdasarkan isu semasa.</p> <p>Melukis dan menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran berdasarkan jadual yang diberi.</p> <p>Nota:</p> <p>Hukum pulangan bertambah kurang . Murid tidak perlu menunjukkan hukum pulangan malar.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan maksud kekurangan, pilihan dan kos lepas.
2	Menerangkan konsep kekurangan berasaskan faktor pengeluaran terhad.
3	Menjelaskan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas dari sudut individu, firma dan kerajaan berdasarkan contoh.
4	Mengaplikasikan konsep kos lepas dengan menganalisis satu situasi dan membuat keputusan.
5	Membuat keputusan pemilihan di antara dua alternatif barang dan perkhidmatan berdasarkan keluk kemungkinan pengeluaran.
6	Menilai kos dan faedah yang terlibat daripada beberapa alternatif program komuniti/masyarakat/ kerajaan. Buat pilihan dari penilaian tersebut dan berikan justifikasi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.2 Sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas ekonomi</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan.</p> <p>1.2.2 Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran.</p> <p>1.2.3 Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut.</p> <p>1.2.4 Menerangkan ciri-ciri utama ekonomi Islam.</p>	<p>Cadangan Aktiviti: Perbincangan berkaitan perbezaan penyelesaian masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat.</p> <p>Nota: Ciri-ciri utama dan perbezaan antara sistem ekonomi dari segi pemilikan sumber ekonomi, penentuan harga, pembuat keputusan, pilihan, persaingan dan motif pengeluaran.</p> <p>Ciri-ciri utama ekonomi Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam • keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat • wujudnya persaingan yang sihat antara individu

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan empat masalah asas ekonomi
2	Menerangkan maksud ringkas sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran.
3	Menerangkan ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi campuran dan ekonomi Islam dan mengenal pasti contoh negara yang mirip kepada sistem berkenaan.
4	Membezakan cara masalah asas ekonomi diuruskan oleh negara- negara yang mirip kepada sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi campuran.
5	Membandingkan bagaimana masalah penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan, penentuan kadar upah dan harga diuruskan oleh sistem ekonomi pasaran dan sistem ekonomi perancangan pusat berdasarkan contoh.
6	Mengenal pasti ciri-ciri ekonomi campuran di Malaysia berdasarkan contoh dan memberi cadangan sejauh mana perlunya campur tangan kerajaan.

2.0 PASARAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Keseimbangan pasaran	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menjelaskan hukum permintaan.</p> <p>2.1.2 Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran.</p> <p>2.1.3 Menghuraikan penentu permintaan iaitu harga barang itu, harga barang lain, cita rasa, pendapatan, musim, jangkaan harga masa depan dan dasar kerajaan.</p> <p>2.1.4 Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti diminta.</p> <p>2.1.5 Menjelaskan dengan gambar rajah penentu permintaan bukan harga menyebabkan perubahan dalam permintaan.</p> <p>2.1.6 Menerangkan hukum penawaran.</p> <p>2.1.7 Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk penawaran individu dan pasaran.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Menggunakan gambar rajah untuk menunjukkan hubungan perubahan harga dengan pergerakan di sepanjang keluk permintaan dan penawaran</p> <p>Menerangkan pembentukan keluk permintaan dan penawaran pasaran berdasarkan gambar rajah</p> <p>Perbincangan bagaimana pelbagai faktor boleh mempengaruhi permintaan dan penawaran dengan menggunakan situasi/keratan akhbar.</p> <p>Menggunakan gambar rajah untuk membezakan kesan perubahan harga (pergerakan sepanjang keluk) dengan peralihan keluk untuk kedua-dua permintaan dan penawaran.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.8 Menghuraikan penentu penawaran iaitu harga barang itu, harga faktor pengeluaran, cuaca, jangkaan harga masa depan, tingkat teknologi, matlamat pengeluar dan dasar kerajaan.</p> <p>2.1.9 Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti ditawar.</p> <p>2.1.10 Menjelaskan dengan gambar rajah penentu penawaran bukan harga menyebabkan perubahan dalam penawaran.</p> <p>2.1.11 Menerangkan konsep keseimbangan pasaran.</p> <p>2.1.12 Melukis rajah keseimbangan pasaran berdasarkan jadual permintaan dan penawaran pasaran.</p> <p>2.1.13 Menjelaskan kesan lebih permintaan atau lebih penawaran ke atas harga dan kuantiti berdasarkan jadual dan rajah.</p> <p>2.1.14 Menganalisis kesan perubahan permintaan atau perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran.</p>	<p>Menerangkan keseimbangan pasaran melalui jadual dan gambar rajah.</p> <p>Menentukan harga dan kuantiti keseimbangan.</p> <p>Menganalisis kesan perubahan permintaan dan penawaran ke atas harga keseimbangan pasaran, kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan.</p> <p>Nota: Perubahan permintaan dan penawaran tidak berlaku serentak.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta dan ditawarkan.
2	Membina jadual permintaan dan penawaran individu dan pasaran serta mengaitkannya dengan hukum permintaan dan penawaran.
3	Mengenal pasti dan menghuraikan penentu permintaan dan penentu penawaran berdasarkan situasi yang diberi serta membezakan antara perubahan kuantiti diminta/ditawar dengan perubahan permintaan/penawaran sesuatu barang berdasarkan keluk.
4	Memaparkan dan menjelaskan dengan gambar rajah penentuan harga dan kuantiti pasaran melalui mekanisme harga.
5	Menganalisis kesan perubahan dalam permintaan dan penawaran ke atas harga keseimbangan pasaran, kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan berdasarkan situasi.
6	Menilai keputusan yang diambil oleh seorang usahawan berdasarkan kepada perubahan keluk permintaan dan keluk penawaran barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2. 2 Keanjalan harga	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Menjelaskan konsep keanjalan harga permintaan dan membuat pengiraan mudah.</p> <p>2.2.2 Menjelaskan keanjalan harga permintaan anjal dan keanjalan harga permintaan tak anjal berdasarkan rajah dan pekali keanjalan.</p> <p>2.2.3 Menjelaskan penentu keanjalan permintaan.</p> <p>2.2.4 Menerangkan hubungan antara perubahan dalam harga permintaan dengan perubahan dalam jumlah hasil bagi keanjalan yang berbeza.</p> <p>2.2.5 Menjelaskan konsep keanjalan harga penawaran dan membuat pengiraan mudah.</p> <p>2.2.6 Menjelaskan keanjalan harga penawaran anjal dan keanjalan harga penawaran tak anjal melalui gambar rajah.</p> <p>2.2.7 Menjelaskan penentu keanjalan penawaran.</p> <p>2.2.8 Menganalisis kepentingan keanjalan harga permintaan terhadap perubahan hasil firma dan perbelanjaan pengguna.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Menggunakan gambar rajah dengan kecerunan keluk untuk menunjukkan permintaan dan penawaran anjal dan tidak anjal.</p> <p>Nota:</p> <p>Penentu keanjalan permintaan termasuk barang pengganti, darjah kepentingan dan bahagian daripada pendapatan yang dibelanjakan untuk barang dan perkhidmatan tersebut.</p> <p>Penentu keanjalan penawaran termasuk perubahan kos pengeluaran dan faktor masa</p> <p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Perbincangan tentang bagaimana pengetahuan mengenai keanjalan dapat mempengaruhi keputusan firma dan kerajaan</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Memberi maksud keanjalan harga permintaan dan keanjalan harga penawaran.
2	Membezakan antara keanjalan harga permintaan/penawaran anjal dengan keanjalan harga permintaan/penawaran tak anjal berdasarkan gambar rajah.
3	Menjelaskan penentu keanjalan permintaan dan penentu keanjalan penawaran berdasarkan situasi.
4	Menggunakan pengiraan jumlah hasil untuk menunjukkan perhubungan di antara perubahan harga dengan perubahan jumlah hasil untuk keanjalan yang berbeza.
5	Menganalisis perbezaan keanjalan harga penawaran di antara barang perkilangan dengan barang pertanian.
6	Menilai kewajaran tindakan firma dan kerajaan membuat keputusan berdasarkan keanjalan harga permintaan.

3.0 PENDAPATAN INDIVIDU

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Wang dan bank	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menjelaskan fungsi wang.</p> <p>3.1.2 Menjelaskan fungsi bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan.</p> <p>3.1.3 Menjelaskan fungsi bank perdagangan dalam menerima deposit, memberi pinjaman, menerima dan membuat bayaran dan perkhidmatan lain.</p>	<p>Nota:</p> <p>Fungsi bank pusat mengawal kestabilan ekonomi akan dipelajari dalam Bab 'Peranan Kerajaan dalam Ekonomi.'</p> <p>Termasuk perkhidmatan berasaskan prinsip syariah yang berkaitan dengan deposit, pinjaman dan pelaburan.</p> <p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Menjemput pegawai bank memberi ceramah berkaitan dengan fungsi bank.</p> <p>Pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat perbankan islam seperti melayari internet, brosur, akhbar dan lain-lainnya.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenaraikan fungsi wang, bank pusat dan bank perdagangan.
2	Menjelaskan fungsi wang, bank pusat dan bank perdagangan.
3	Mengenal pasti pelbagai produk perbankan termasuk produk berlandaskan prinsip syariah dan mengaitkannya dengan fungsi bank.
4	Membanding beza fungsi bank perdagangan dengan bank pusat.
5	Menganalisis kelebihan dan kekurangan jenis-jenis tabungan dan pinjaman berdasarkan contoh.
6	Mencadangkan perkhidmatan bank perdagangan yang terbaik untuk keperluan tertentu dan memberi justifikasi berdasarkan analisis maklumat dari pelbagai sumber.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.2 Pendapatan individu	<p>Murid boleh:</p> <p>3.2.1 Mengklasifikasikan jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi</p> <p>3.2.2 Menjelaskan kepentingan setiap sektor ekonomi dari segi pekerjaan mengikut <i>trend</i> di Malaysia.</p> <p>3.2.3 Membincangkan faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.</p> <p>3.2.4 Menjelaskan jenis-jenis pendapatan individu iaitu upah, sewa, faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan.</p> <p>3.2.5 Menganalisis kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Perbincangan dengan menggunakan bahan ilustrasi/keratan akhbar/data ekonomi berkaitan jenis pekerjaan mengikut tren di Malaysia.</p> <p>Menjalankan aktiviti menganalisis jenis-jenis pekerjaan di pasaran dan membuat keputusan pemilihan pekerjaan berdasarkan kriteria ditetapkan.</p> <p>Murid mewujudkan pelan tindakan/strategi untuk mencapai matlamat kerjaya dan pendapatan peribadi.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenaraikan jenis pekerjaan dalam setiap sektor ekonomi.
2	Menerangkan faktor pemilihan pekerjaan.
3	Mengenal pasti pelbagai jenis pendapatan orang dewasa dan kaitkannya dengan jenis pendapatan.
4	Menganalisis jenis-jenis pekerjaan di pasaran dan membuat keputusan pemilihan pekerjaan berdasarkan kriteria ditetapkan.
5	Membuat ramalan tentang jenis dan tren pekerjaan di masa hadapan dan memberikan justifikasi.
6	Mengenal pasti matlamat kerjaya dan mewujudkan pelan dan jadual waktu untuk mencapainya, termasuk keperluan pendidikan/latihan, kos dan kemungkinan hutang yang ditanggung.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.3 Penggunaan pendapatan individu</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.3.1 Menjelaskan konsep pendapatan boleh guna individu.</p> <p>3.3.2 Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji dari segi tujuan dan kesannya terhadap pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan pekerja.</p> <p>3.3.3 Menjelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak.</p> <p>3.3.4 Menjelaskan penggunaan pendapatan boleh guna individu.</p> <p>3.3.5 Mengenal pasti dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan.</p> <p>3.3.6 Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit.</p> <p>3.3.7 Menganalisis fitur ekonomi yang terdapat dalam pembelian kredit seperti deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Mengumpul dan mengkaji risalah cukai pendapatan, zakat dan KWSP.</p> <p>Membuat kaji selidik syarat-syarat pembelian secara kredit barang tahan lama di premis perniagaan atau melalui brosur dan membanding beza kelebihan/kekurangan pembelian barang secara kredit dan tunai.</p> <p>Nota: Faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan seperti pendapatan, harga, barang pengganti, pengiklanan dan pemasaran, citarasa dan segmen pasaran.</p> <p>Murid mengaplikasi pengetahuan ekonomi, kemahiran menaakul dan inkuiri melalui contoh kontekstual seperti pembelian kereta, pakej percutian, pembelian telefon mudah alih dan penggunaan kad kredit.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>3.3.8 Menjelaskan konsep belanjawan peribadi.</p> <p>3.3.9 Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan/ pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing.</p> <p>3.3.10 Menjelaskan kepentingan belanjawan peribadi.</p> <p>3.3.11 Mengenal pasti dan membandingkan strategi simpanan.</p> <p>3.3.12 Menerangkan konsep risiko dan pulangan dalam pelaburan.</p> <p>3.3.13 Membandingkan tahap risiko, pulangan dan kecairan berkaitan pelbagai jenis pelaburan peribadi.</p>	<p>Tugasan individu untuk mendapatkan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan keluarga dan menyediakan belanjawan peribadi.</p> <p>Mengundang penceramah untuk menerangkan konsep risiko dan pulangan pelaburan contohnya pegawai tabung haji, Permodalan Nasional Berhad, pegawai koperasi.</p> <p>Mengkaji beberapa brosur pelaburan daripada pelbagai institusi kewangan untuk menentukan pelaburan berisiko/memberi pulangan yang tinggi.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan maksud pendapatan boleh guna dan mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib.
2	Menerangkan penggunaan pendapatan boleh guna dari aspek perbelanjaan pendapatan, belanjawan peribadi dan perancangan kewangan peribadi.
3	Menghuraikan beserta contoh cara berbelanja dan mengurus belanjawan dengan berhemah serta merancang kewangan peribadi dengan bijak untuk kesejahteraan masa hadapan.
4	Menerangkan kepentingan belanjawan peribadi dan membandingkan belanjawan peribadi antara beberapa kumpulan individu serta membincangkan perbezaan tersebut.
5	Menganalisis dan membandingkan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan peribadi.
6	Menilai beberapa potensi pelaburan dan membuat keputusan pelaburan peribadi dengan mempertimbangkan tahap risiko dan pulangan.


4.0 PENGELUARAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Konsep pengeluaran, kos dan hasil	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menjelaskan konsep pengeluaran.</p> <p>4.1.2 Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.</p> <p>4.1.3 Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata.</p> <p>4.1.4 Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan kos marginal berdasarkan jadual.</p> <p>4.1.5 Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output.</p> <p>4.1.6 Menjelaskan konsep hasil dan untung.</p> <p>4.1.7 Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung.</p> <p>4.1.8 Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap.</p>	<p>Nota:</p> <p>Memperkenalkan konsep purata, marginal dan jumlah keluaran dengan menggunakan jadual tanpa melukis keluk.</p> <p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Lawatan ke sebuah firma dan membuat kajian tentang operasi, input dan kos yang terlibat serta strategi yang digunakan untuk meningkatkan keuntungan.</p> <p>Menjalankan projek jualan.</p> <p>Menganalisis data daripada projek/lawatan sebelum ini untuk mengira pelbagai jenis kos dan hasil.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan maksud pengeluaran, kos, jumlah hasil dan untung.
2	Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek, kos pengeluaran, jumlah hasil dan untung berdasarkan jadual.
3	Menghitung kos pengeluaran, jumlah hasil dan untung serta menentukan tingkat pengeluaran paling cekap berdasarkan jadual atau situasi.
4	Mengenal pasti pengeluaran jangka pendek berdasarkan contoh pengeluaran suatu barang.
5	Menganalisis jadual yang menunjukkan hubungan antara perubahan output dengan perubahan dalam jumlah kos, kos purata dan kos marginal dan mengenal pasti tahap di mana firma perlu tutup perniagaan.
6	Dengan menggunakan konsep kos dan hasil murid mencadangkan strategi untuk menambah baik sesuatu perniagaan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.2 Produktiviti dan eksternaliti	<p>Murid boleh:</p> <p>4.2.1 Menerangkan konsep produktiviti.</p> <p>4.2.2 Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.</p> <p>4.2.3 Menerangkan konsep eksternaliti.</p> <p>4.2.4 Menjelaskan maksud kos sosial dan faedah sosial.</p> <p>4.2.5 Menilai faedah sosial dan kos sosial berdasarkan contoh yang sesuai.</p>	<p>Cadangan aktiviti:</p> <p>Kajian kes berkaitan dengan produktiviti berdasarkan data statistik yang diperoleh dari Pusat Daya Pengeluaran Negara atau mana-mana sumber.</p> <p>. Perbincangan mengenai faedah sosial dan kos sosial yang wujud daripada aktiviti suatu industri yang dinamakan.</p> <p>Perbincangan dengan menggunakan bahan ilustrasi/keratan akhbar/video klip untuk menerangkan eksternaliti.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan maksud produktiviti dan eksternaliti.
2	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi produktiviti dan faktor yang menyebabkan eksternaliti.
3	Mengenal pasti dan menerangkan faktor yang mempengaruhi produktiviti berdasarkan contoh Mengenal pasti eksternaliti positif (faedah sosial) dan eksternaliti negatif (kos sosial) berdasarkan contoh.
4	Menganalisis dan menilai kewujudan eksternaliti negatif dan positif berdasarkan contoh.
5	Menilai kos dan faedah persendirian serta kos dan faedah sosial berkaitan dengan satu projek pembangunan.
6	Mencadangkan dasar untuk mengurangkan pencemaran persekitaran yang disebabkan oleh dasar sedia ada dengan mengenal pasti faedah sosial dan kos sosial kedua-dua dasar sedia ada dan dasar yang dicadangkan.



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>